

Ke Arah Penyelesaian Isu Ketidakeragaman Undang-Undang Jenayah Syariah Terhadap Kesalahan Tatasusila

Towards Resolving the Issue of Inconsistency in Syariah Criminal Law on Ethical Offences

Norizan A Razak¹, Adibah Bahori²

¹Fakulti Sains Gunaan, Open University Malaysia, Seremban, Malaysia;

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Rembau, Malaysia;

Progres Artikel

Diterima: 01 Jun 2022

Disemak: 23 Julai 2022

Diterbit: 1 September 2022

*Perhubungan Penulis:

Norizan A Razak,
Open University Malaysia,
Seremban, Malaysia;
Email: izanrazak@oum.edu.my

Abstrak: Bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah terbatas sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Ia menyebabkan perkembangan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah sejak zaman penjajahan sehingga kini adalah sangat perlahan. Isu perundangan di antara undang-undang sivil dan undang-undang syariah masih didapati sehingga ke hari ini. Malah, undang-undang jenayah syariah juga menghadapi pelbagai masalah kerana kepelbagaian peruntukan undang-undang, bentuk serta jumlah hukuman yang sedia ada di bawah bidangkuasa mahkamah syariah yang begitu terhad. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis isu ketidakeragaman undang-undang jenayah syariah terhadap kesalahan tatasusila dan menjelaskan mekanisme penyeragaman undang-undang serta mencadangkan kaedah penyelesaian terhadap konflik ketidakeragaman tersebut. Metodologi kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif iaitu dengan melakukan kajian doktrinal, menganalisis dokumen-dokumen perundangan dan kajian kepustakaan, meneliti buku-buku, jurnal dan kajian-kajian ilmiah yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa peruntukan di dalam enakmen mengandungi beberapa *lacunae* atau kekurangan yang memberi implikasi besar terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa JAKIM mempunyai peranan yang besar dalam memartabatkan kelangsungan undang-undang jenayah Islam di Malaysia, dan ia perlu dilakukan secara berterusan dan proaktif dengan mengambil langkah-langkah penting menangani isu ketidakeragaman tersebut. Pelbagai pihak juga harus berganding bahu dalam usaha untuk menyeragamkan undang-undang berhubung kesalahan tatasusila ini agar ia dapat dikuatkuasakan dan dilaksanakan dengan lebih teratur. Undang-undang yang sedia ada perlu dipinda dari semasa ke semasa bagi memastikan ia selari dengan keperluan semasa di dalam negara. Hal ini selaras dengan roh perlembagaan Malaysia yang menyebut secara jelas bahawa agama Islam adalah agama persekutuan.

Kata kunci: Undang-undang, jenayah syariah, ketidakeragaman, kesalahan tatasusila, penyelesaian

Abstract: The jurisdiction of the Syariah Court is limited as provided for by the Federal Constitution. It has led to the slow development of syariah criminal law since the colonial era. Legal issues between civil law and syariah are remains until now. In fact, syariah criminal law also faces various problems due to the diversity of legal provisions, forms as well as the number of sentences available under the jurisdiction of syariah courts which are so limited. Hence, the objective of this study is to analyse the issue of the inconsistency of syariah criminal law against ethical offences and to explain the mechanism of standardisation of the law as well as to propose solutions to the conflicts of inconsistency. The methodology of the study is qualitative which is by conducting doctrinal studies, analysing legal documents and literature studies, researching books, journals and related scientific studies. The results found that the provisions in the enactment contain some *lacunae* or deficiencies that have major implications towards the enforcement and implementation of the law. In addition, the study also found that JAKIM has a large role in upholding the continuity of Islamic

criminal law in Malaysia, and that it should be carried out continuously and proactively taking into account important measures to address the issue of inconsistency. Various parties should also work together in order to standardise the law on the code of conduct so that it can be enforced and implemented more orderly. Existing laws should be amended from time to time to ensure that they are in line with current requirements in the country. This is in line with the spirit of the Malaysian constitution which clearly states that Islam is a federal religion.

Keywords: Law, shariah criminal, inconsistency, ethical offences, solution

Pengenalan

Usaha-usaha untuk mengadakan undang-undang Islam yang selaras dan seragam di seluruh Malaysia telah bermula semenjak sekian lama dan beberapa usaha telah diambil bagi maksud itu. Kuasa untuk menganunkan undang-undang bagi kesalahan melanggar perintah agama yang tidak diperuntukkan di dalam undang-undang Persekutuan seperti kesalahan khalwat, zina, perbuatan tidak sopan dan lain-lain kesalahan yang melanggar perintah agama adalah termasuk di dalam bidang kuasa negeri. Justeru, lahirilah peruntukan undang-undang Islam negeri-negeri yang tidak seragam yang telah menimbulkan pelbagai konflik undang-undang sejak dahulu sehingga ke hari ini (Bakar, 2010). Kita juga berhadapan dengan masalah bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terlalu sempit jika dibandingkan dengan bidang kuasa Mahkamah Sivil yang luas dan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa (Hamid et al., 2017).

Ketidakselarasan dan ketidakseragaman undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri sudah semestinya akan mengakibatkan ketidakselarasan dan ketidakseragaman dalam pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang Islam antara negeri-negeri di negara ini. Ketika ini, pelaksanaan undang-undang jenayah syariah adalah berbeza-beza di setiap negeri. Buktinya, hukuman yang berlainan diperuntukkan di antara negeri-negeri walaupun ia melibatkan kesalahan yang serupa. Di samping itu, masalah tersebut juga akan menyebabkan perbezaan dalam penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Syariah antara satu negeri dengan negeri yang lain walaupun penghakiman tersebut berhubung kes yang mempunyai fakta yang serupa dan ini boleh menimbulkan kekeliruan dan perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat negara ini terutamanya orang Islam. Maka di atas keperluan itulah undang-undang Islam perlu dilihat seragam, selaras dan tiada interpretasi berlainan dalam satu negara.

Konsep Kesalahan Tatasusila Di Bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia

Kesalahan tatasusila secara umumnya adalah merujuk kepada kesalahan yang berkaitan moral, perilaku dan juga yang menyentuh mengenai akhlak Islamiah seseorang baik di hadapan khalayak ramai ataupun sebaliknya. Kesalahan mengenai kesusilaan dinyatakan dengan jelas di dalam enakmen jenayah negeri-negeri di Malaysia. Terdapat juga beberapa terminologi yang merujuk terhadap makna yang sama dengan kesalahan tatasusila. Ia turut dikenali sebagai kesalahan yang berhubung dengan akhlak misalnya berkelakuan tidak sopan dan lelaki berlagak seperti perempuan di tempat-tempat awam. Kesalahan seksual turut merujuk pelbagai jenis kesalahan seperti bercumbuan di antara lelaki dan perempuan yang bukan pasangan suami isteri, bersekedudukan atau berkhawat, berkelakuan sumbang, zina, mukaddimah zina, liwat, musahaqah, hamil atau melahirkan anak di luar nikah dan melacurkan diri (Ismail, 2007). Kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan ini adalah kesalahan yang mempunyai hubungan dengan perlakuan seksual. Masyarakat Islam yang melakukan kesalahan ini boleh didakwa dan dikenakan hukuman di bawah peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia (Abdullah, 1997).

Kesalahan jenayah syariah membabitkan tatasusila merupakan kategori kesalahan yang sering mendapat perhatian jika dibandingkan dengan kategori lain. Terdapat juga tanggapan umum bahawa tatasusila atau moraliti adalah sesuatu yang subjektif dan tidak sepatutnya dikenakan tindakan undang-undang selagi ia dilakukan bukan di tempat awam.

Isu Ketidakseragaman Undang-Undang Jenayah Syariah Berkaitan Kesalahan Tatasusila

Pada masa kini, kesemua negeri telah menyediakan peruntukan undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah. Namun, ketidakseragaman didapati di dalam

undang-undang tersebut termasuklah jenis-jenis kesalahan tatasusila yang diperuntukkan. Sebagai contoh, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 memperuntukkan 10 jenis kesalahan iaitu perbuatan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, hubungan jenis antara orang yang sama jantina, persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii, khalwat, lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan tidak sopan di tempat awam yang disenaraikan di bawah kesalahan berhubung dengan kesusilaan. Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 pula memperuntukkan 15 jenis kesalahan tatasusila ini bersekali dengan kesalahan-kesalahan lain merangkumi kesalahan percubaan persetubuhan haram, bersekediaman, hamil di luar nikah, bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram, liwat, percubaan liwat, perhubungan jenis luar tabii, musahaqah, perbuatan tidak sopan, lelaki berlagak seperti perempuan, melarikan isteri atau anak dara orang, melacurkan isteri atau anak, melacurkan diri, menjual anak dan muncikari.

Perkara yang amat mendukacitakan ialah undang-undang jenayah syariah di Malaysia ini tidak disemak dan diperbaharui mengikut peredaran zaman seperti mana yang dilakukan bagi undang-undang sivil. Zakaria & Nasohah (2020) mendapati bahawa Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 misalnya merupakan suatu statut perundangan yang agak lama dan tidak pernah digubal, dipinda atau diperbaharui dari semasa ke semasa. Penulis berpendapat bahawa hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana penambahbaikan perlu sentiasa dilakukan. Ia demi memartabatkan undang-undang jenayah syariah sama ada dari aspek peruntukan kesalahan yang bersifat menyeluruh mahupun dari aspek hukuman yang relevan dengan perkembangan semasa.

Didapati juga kuasa untuk mengenakan hukuman jenayah terhadap pesalah jenayah syariah adalah lebih rendah jika hendak dibandingkan dengan kuasa yang diperuntukkan bagi Mahkamah Majistret kelas pertama. Mahkamah tersebut berhak menjatuhkan hukuman sehingga lima tahun penjara, denda sebanyak RM1000 atau dua belas kali sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman (Yaacob, 2001; Subordinate Court Act 1984).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hukuman maksimum tidak diperuntukkan di dalam beberapa enakmen negeri-negeri dan hukuman yang ditetapkan adalah berbeza antara satu sama lain. Sebagai contoh, bagi kesalahan muncikari, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerusi seksyen 22 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 memperuntukkan hukuman maksimum bagi kesalahan ini (Ismail, 2017). Beberapa buah negeri lain juga memperuntukkan hukuman yang sama seperti yang terkandung dalam

seksyen 24 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, seksyen 22 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996, seksyen 22 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997, seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan seksyen 19 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001.

Namun, bagi beberapa buah negeri lain, hukuman sebatan tidak dimasukkan di dalam peruntukan kesalahan tersebut sebaliknya hanya memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM5000 atau kedua-duanya seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 70 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, seksyen 77 Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991 dan seksyen 22 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah) 1988 (Ismail, 2017).

Implikasi Terhadap Ketidakteraturan Undang-Undang Jenayah Syariah Bagi Kesalahan Tatasusila

Kajian mendapati bahawa ketidakselarasan undang-undang jenayah syariah berhubung kesalahan tatasusila ini telah melahirkan beberapa implikasi undang-undang. Antaranya ialah dari aspek peruntukan undang-undang. Malah, masalah penggunaan terma yang tidak seragam antara negeri-negeri menimbulkan kekeliruan. Hal ini kerana penggunaan terma yang tepat dan selaras dapat memastikan kehendak penggubal undang-undang dapat dilaksanakan dengan sewajarnya mengikut apa yang diinginkan (Hamid et al., 2017). Sebagai contoh, bagi kesalahan khalwat, tidak semua enakmen negeri menggunakan terma yang sama. Istilah khalwat tidak diguna pakai bagi negeri Melaka, Perak dan Pahang. Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991 menggunakan terma bersekediaman manakala seksyen 51 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Perak) 1992 pula menggunakan istilah bersekedudukan (Hamid et al., 2017). Berlainan pula dengan peruntukan di Negeri Sembilan yang menamakan khalwat sebagai percubaan persetubuhan haram yang diletakkan di bawah seksyen 61 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (Ismail, 2017) manakala Pahang menjadikan “bercumbuan atau berkhalwat” sebagai terma bagi peruntukan berkenaan dan 11 buah negeri yang lain (78.57%) mengguna pakai istilah khalwat terhadap kesalahan tersebut (Azhar et al., 2006).

Kesalahan rogol dilihat tidak dimasukkan di dalam peruntukan EKJS negeri-negeri, malah kesalahan tersebut dikendalikan di Mahkamah Sivil berdasarkan seksyen 375 Kanun Keseksaan. Sepatutnya kesalahan rogol boleh dikategorikan sebagai zina secara paksaan (*bil jabri*) dan perlu diperuntukkan di dalam EKJS Negeri-negeri sepertimana yang dilakukan bagi kesalahan liwat yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah

Wilayah Persekutuan (Yaacob, 2001) dan enakmen-enakmen jenayah syariah yang lain seperti di negeri Perlis, Kedah, Selangor, Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Sarawak, Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah. Penulis berpandangan bahawa peruntukan berkaitan kesalahan zina secara paksaan perlu diperuntukkan di dalam undang-undang jenayah syariah agar kesalahan tersebut dapat dikendalikan juga di Mahkamah Syariah.

Selain itu, terdapat implikasi daripada ketidakseragaman tersebut dari aspek bidang kuasa hukuman. Didapati bahawa had hukuman maksima hanya diperuntukkan untuk kesalahan tertentu sahaja. Negeri Pahang merupakan negeri yang paling banyak menggariskan hukuman maksimum iaitu meliputi 21 jenis kesalahan jenayah syariah dan empat daripadanya ialah yang berkaitan dengan kesalahan tatasusila. Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985 pula memperuntukkan hukuman sebat bagi tiga kesalahan di bawah kesalahan tatasusila iaitu seksyen 11: zina, seksyen 12: *muqaddimah* zina dan seksyen 14: liwat. Pesalah bagi kesalahan-kesalahan tersebut boleh dikenakan sebanyak enam kali sebatan melainkan *muqaddimah* zina yang hanya boleh dijatuhkan hukuman tiga kali sebatan sahaja (Ismail, 2013). Sebahagian negeri pula hanya memperuntukkan hukuman maksimum bagi satu kesalahan sahaja. Sebagai contoh, Melaka memperuntukkan hukuman tersebut dalam Seksyen 58: Perhubungan jenis luar tabii dan negeri Perlis pula melalui Seksyen 24: Minuman yang memabukkan (Nasri, 2018). Hal ini bermakna negeri Perlis tidak menetapkan hukuman maksimum bagi mana-mana kesalahan tatasusila.

Masalah lain yang dihadapi ialah ketiadaan kaedah khusus bagi melaksanakan hukuman sebat ke atas pesalah (Ismail, 2004). Terkini, hampir semua negeri telah memperuntukkan kaedah pelaksanaan hukuman sebat kecuali negeri Kedah. Walaupun kaedah yang ditetapkan adalah sama, namun terdapat perbezaan dari segi istilah yang digunakan di antara statut-statut berkenaan (Mujahid, 2017). Namun, kaedah ringkas yang dinyatakan di dalam sebahagian besar statut tersebut adalah tidak mencukupi. Satu-satunya negeri yang telah menggariskan kaedah sebatan yang khusus ialah negeri Kelantan melalui Kaedah Hukuman Sebat 1987 (Awang, 2015). Kaedah-kaedah ini perlu diwujudkan dengan kadar segera agar kontroversi yang berlaku dapat dileraikan dan memberikan keyakinan kepada Hakim Syarie untuk menjatuhkan hukuman sebat disamping hukuman-hukuman yang lain (Jamal & Hashim, 2014).

Ke Arah Penyelesaian Isu Ketidakseragaman Berkaitan Kesalahan Tatasusila

Kebelakangan ini, dilihat telah terdapat banyak usaha daripada pihak kerajaan untuk menambah baik undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Hal ini terbukti apabila terhasilnya sebuah dasar baharu iaitu Roadmap Pelan Pemerkasaan Undang-undang Syariah Peringkat Persekutuan sehingga tahun 2025. Walau bagaimanapun, ia tidak harus terhenti setakat itu sahaja tetapi undang-undang tersebut perlu diselaraskan. Agenda untuk memperkasakan undang-undang syariah perlulah sentiasa ada dan bersifat konsisten (Ismail, 2021). Menurut Shaary (2021), Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) telah bersedia untuk dibincangkan di peringkat negeri. Sebelum itu, Mesyuarat Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah dijalankan pada 9-11 Mac lepas bagi membincangkan mengenai pemerkasaan undang-undang syariah semasa.

Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan perkara-perkara yang termasuk dalam Jadual Kesembilan, Senarai Negeri yang bertujuan untuk menyeragamkan undang-undang di antara dua buah negeri atau lebih. Walau bagaimanapun, undang-undang berkenaan tidak boleh dikuatkuasakan sehinggalah terdapat undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri. Memandangkan tidak ada mekanisme penyelarasan dan penyeragaman yang boleh mengikat negeri-negeri di sisi undang-undang maka suatu mekanisme lain yang lebih berkesan perlu dibuat bagi mencapai maksud tersebut. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengemukakan suatu cadangan supaya penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam negeri-negeri dibuat melalui mesyuarat Majlis Raja-Raja. Antara mekanisme yang dapat dilakukan ialah menubuhkan suatu Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Islam yang dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri, membawa draf undang-undang yang dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negara untuk dibawa kepada MKI dan seterusnya mempersembahkannya di hadapan Majlis Raja-Raja untuk diperkenankan. Kerajaan Negeri perlu menerima pakai undang-undang tersebut tanpa sebarang pindaan dan pengubahsuaian (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, n.d.). Justeru, adalah diharapkan agar semua negeri akan mempunyai peruntukan undang-undang yang sama dan seragam.

Penyelarasan undang-undang tersebut dilakukan oleh JKSM dan bahagian undang-undang JAKIM dengan menjadikan Akta Wilayah Persekutuan sebagai model. Pihak JAKIM telah membuat kajian demi menghasilkan sebuah model yang komprehensif dan terbaik dengan

melihat keistimewaan yang terdapat di dalam enakmen setiap negeri (Bakar, 2019).

Bagi menyelesaikan pelbagai konflik yang timbul daripada perundangan syariah ini, pihak kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa khas di peringkat Persekutuan iaitu Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS) yang berperanan membincangkan isu-isu yang melibatkan pengharmonian di antara undang-undang sivil dan syariah, cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355], pengurusan dan penstrukturan Mahkamah Syariah, latihan hakim dan pegawai syariah, pendidikan undang-undang syariah dan hal ehwal yang melibatkan peguam syarie. Mereka terdiri daripada wakil majlis agama Islam negeri-negeri, ahli akademik, wakil Jabatan Peguam Negara, wakil-wakil aktivis masyarakat, mantan pemimpin tertinggi dalam sektor awam serta tokoh-tokoh lain yang berkaliber dalam perundangan sivil mahupun syariah (Yusoff, 2017).

Tindakan utama yang perlu dilakukan di peringkat persekutuan ialah meminda perlembagaan dengan cara mengecualikan bidang kuasa jenayah yang berada di bawah undang-undang Islam dari bidang kuasa pentadbiran persekutuan. Keduanya ialah dengan meningkatkan atau mengubahsuai peruntukan undang-undang yang menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perkara ini sebenarnya tidak terlalu sukar untuk dilaksanakan memandangkan pihak pemerintah memiliki majoriti yang cukup di dalam Parlimen (Bari, 2002). Aziz (2015) juga berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan memainkan peranan penting dalam pemindaan tersebut kerana akta ini adalah terpakai di semua negeri dan pindaan tidak sepatutnya dimulakan oleh kerajaan negeri.

Pada 26 Mei 2016, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, Ahli Parlimen Marang telah mencadangkan satu RUU Ahli Persendirian (Private Members Bill) bernama RUU Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 yang berhasrat untuk memperluaskan bidang kuasa hukuman Mahkamah Syariah (Penyata Rasmi (Hansard) Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas 2016). Jika cadangan pindaan ini benar-benar dapat dilaksanakan, maka semua bentuk hukuman yang lazim dengan jumlah yang lebih besar iaitu hukuman selain daripada hukuman mati dapat dilaksanakan. Tindakan tersebut adalah bagi memastikan undang-undang yang wujud adalah relevan dan sesuai dengan peredaran zaman (Zakaria & Nasohah, 2019).

Antara cadangan tersebut ialah meluaskan takat hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah terhadap pesalah iaitu denda tidak melebihi RM 100, 000, penjara tidak melebihi 30 tahun, sebatan syarie tidak melebihi 100 kali atau kombinasi mana-mana hukuman. (Aziz, 2017). Jika pindaan ini berjaya dilaksanakan, maka sekurang-kurangnya bidang kuasa jenayah syariah dapat

dipertingkatkan dengan menyediakan hukumannya yang hampir menyamai bidang kuasa jenayah di Mahkamah Sesyen (Yusof, 2017). Antara hukuman yang boleh dikenakan selepas pindaan dilakukan ialah parol, amaran keras dan sebagainya. Jika hukuman berat diperlukan maka penetapan hukuman penjara seumur hidup juga adalah dibenarkan. Sekiranya hukuman tersebut dijatuhkan di Mahkamah Syariah, maka ia adalah berlandaskan seksyen 3 Akta 1953 yang menghadkan 20 tahun hukuman penjara (Aziz, 2016).

Persetubuhan luar nikah misalnya merupakan salah satu kesalahan tatasusila yang besar. Ia merupakan peluang terbaik bagi kerajaan negeri untuk meminda dan memperelokkan hukuman yang sedia ada di bawah akta/enakmen negeri masing-masing dengan menetapkan hukuman sebat yang juga disebut sebagai hukuman rotan sebanyak 100 kali selari dengan hukum hudud. Tindakan yang proaktif perlulah dilakukan oleh pihak legislatif Persekutuan dengan meminda Akta 355 bagi meningkatkan bidang kuasa hukuman daripada 6 kali sebatan kepada 100 kali sebatan (Ismail, 2015). Walau bagaimanapun, jika Akta 355 tidak dapat ditegakkan secara keseluruhan, maka cukuplah sekadar ia dapat ditambah baik dalam kerangka perundangan yang sedia ada secara berperingkat-peringkat (Ismail, 2014). Memadailah juga jika jumlah denda dapat ditingkatkan kepada satu amaun yang munasabah dan ia berupaya menjadi salah satu bentuk pencegahan terhadap pesalah jenayah syariah.

Selain itu, penambahan peruntukan berkaitan kesalahan tatasusila adalah sangat diperlukan. Hal ini kerana tidak semua badan perundangan negeri memperuntukkan undang-undang bagi kesalahan ini secara menyeluruh. Kesalahan pelacuran misalnya tidak diperuntukkan undang-undang yang melibatkan pelbagai bentuk kesalahan mengenainya dan hanya terbatas bagi kesalahan tertentu sahaja (Jamal, 2002). Kesalahan hamil luar nikah pula hanya diperuntukkan di beberapa buah negeri sahaja dan negeri-negeri lain tidak memperuntukkannya (Bahori & Ismail, 2017). Salleh (2018) menyatakan bahawa pihak kerajaan bercadang untuk menyeragamkan undang-undang berkaitan dengan transgender bagi membendung kegiatan tidak bermoral tersebut. Oleh itu, peruntukan yang dicadangkan untuk disediakan adalah lelaki berpakaian wanita tanpa alasan munasabah. Tafsiran tersebut dilihat lebih mudah untuk dijadikan sandaran dalam usaha untuk menjatuhkan hukuman terhadap pesalah dan ia bersifat preventif.

Selain itu, adalah dicadangkan agar kerajaan negeri menyediakan kaedah dan prosedur sebat yang sewajarnya terhadap pesalah jenayah syariah. Berdasarkan pengalaman negeri Kelantan dalam melaksanakan hukuman rotan ini, didapati bahawa tiada masalah yang dihadapi dari sudut persediaan dan amalannya. Pihak Penjara Pengkalan Chepa misalnya

dilihat sangat bersedia untuk melaksanakan hukuman tersebut mengikut ketetapan waktu yang ditetapkan (Ismail, 2014).

Kesimpulan

Hasrat untuk menyeragamkan undang-undang jenayah syariah umumnya dan undang-undang berhubung kesalahan tatasusila khususnya memerlukan usaha yang gigih oleh pelbagai pihak. Badan perundangan Islam yang dianggotai oleh JAKIM, JKSM, MKI, Majlis Raja-Raja dan Jabatan Agama Islam negeri merupakan antara institusi yang sangat signifikan terhadap pelaksanaan perkara ini. Pelbagai diskusi berhubung perkara ini telah, sedang dan akan diteruskan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam memastikan undang-undang yang berkaitan dapat dikuatkuasakan.

Antara perkara penting yang menjadi pertikaian dalam kalangan pengamal undang-undang mahupun masyarakat awam ialah berkenaan dengan ketidakseragaman undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Bidang kuasa yang berbeza di antara negeri-negeri menyukarkan pihak mahkamah untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik. Ketidakseragaman ini dapat dilihat melalui peruntukan dan bentuk hukuman yang dikenakan ke atas pesalah. Masalah ini juga turut memberikan kesan terhadap pihak pendakwaan dan pihak Mahkamah Syariah sendiri dalam mempertimbangkan perkara ini dan seterusnya membuat keputusan yang adil terhadap pesalah. Konflik perundangan yang berlaku turut menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap autoriti dan kemampuan perundangan syariah yang sepatutnya dilihat sudah berada di barisan hadapan setanding dengan Mahkamah Sivil.

Penyeragaman undang-undang Islam di seluruh Malaysia wajar dilakukan dengan cara rundingan dengan mendapat perkenan daripada D.Y.M.M. Sultan-Sultan dan Raja-Raja. Cara ini adalah lebih baik kerana ianya tidak akan menjejaskan kedudukan D.Y.M.M. Sultan-Sultan dan Raja-Raja sebagai Ketua Agama Islam Negeri masing-masing. Keseragaman undang-undang tersebut pastinya dapat dilakukan apabila pindaan terhadap beberapa peruntukan penting dapat dilakukan. Para ahli akademik dan pengamal undang-undang syariah mencadangkan agar Akta 355 dipinda dengan memasukkan peruntukan yang wajar dan perlu berdasarkan keperluan semasa. Hal ini kerana akta ini merupakan halangan terbesar terhadap perluasan skop bidang kuasa hukuman yang dimiliki oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia. Di peringkat negeri pula, enakmen kesalahan jenayah syariah perlulah dipinda bagi menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah di negeri masing-masing kerana undang-undang tersebut merupakan kuasa autonomi negeri yang membolehkan pelaksanaannya dilakukan di peringkat negeri.

Justeru, pindaan terhadap Akta 355 dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri merupakan satu bentuk lonjakan paradigma terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah yang lebih cekap, efisien dan holistik. Ia akan menjadikan undang-undang tersebut menjadi seragam dan dapat menyelesaikan pelbagai konflik perundangan yang berlaku di dalam negara. Adalah diharapkan agar usaha ini akan membuahkan hasil yang positif ke arah mewujudkan keselarasan dan keseragaman undang-undang Islam di seluruh Malaysia sebagaimana yang diharapkan bagi mengukuhkan institusi kehakiman dan perundangan Islam di negara ini.

Rujukan

- Abdullah, R. (1997). Permasalahan Moral Masyarakat Islam Dari Perspektif Undang-undang. *Jurnal Syariah*. Vol. 6, 81-96.
- Awang, M. (2015). Di Manakah Kita Dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah? *Kanun* (1), 55-84.
- Azhar, A. et al. (2016). Kesalahan Khalwat Menurut Hukum Islam dan Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia. *Journal of Islamic, Sosial, Economics and Development*. Vol. 1. Issue. 2, 8-17.
- Aziz, S. A. (2017). Pindaan Akta 355: Antara Harapan dan Realiti. *Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah 2017- 60 Tahun Pasca Kemerdekaan: "Menelusuri Cabaran, Melestari Masa Hadapan"* [Slaid Powerpoint]. Unpublished Manuscript. Retrieved October 18, 2020, from <https://iais.org.my/attach/2017/29AUG2017/Pro%20Shamrahayu.pdf>
- Aziz, S. A. (2016). *Cadangan Rang Undang-undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016: Satu Pandangan dari Aspek Perundangan*. Retrieved October 12, 2020, from https://www.academia.edu/31017003/cadangan_rang_undang-undang_akta_mahkamah_syariah_bidang_kuasa_jenayah_pindaan_2016_satu_pandangan_dari_aspek_perundangan
- Aziz, S. A. (2015). *Cabaran Besar Memperkasa Hukuman Syariah*. Retrieved November 17, 2020 from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/72462/cabaran-besar-memperkasa-hukuman-syariah>
- Bahori, A. & Ismail. (2017). Kehamilan Luar Nikah dari Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia dan Pengawalannya melalui Program Pencegahan. *Jurnal Undang-undang dan*

- Masyarakat: Malaysian Journal of Law and Society*. Isu Khas, 1-15.
- Bakar, S. N. A. (2019). Seragamkan Undang-undang Jenayah Syariah: Mujahid, *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/37651>.
- Bakar, Z. R. A. (2010). Al-Quran dan Masyarakat: Undang-undang. *Seminar Al- Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang*.
- Bari, A. A. (2002). Halangan-halangan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di dalam Perlembagaan Malaysia. *Jurnal Syariah*. 10:1, 31-42.
- Berita Harian. (2019). Penyelarasan, Penyeragaman Undang-undang Syariah dilaksana Tahun Depan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/581187/penyelarasan-penyseragaman-undang-undang-syariah-dilaksana-tahun-depan>
- Hamid, N. A. A. et al. (2017). Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian Keseragaman dan Ketidakeragaman bagi Peruntukan Kesalahan Tatasusila. *Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economic and Education (ICONLEE)*. Shah Alam: Grand Bluewave Hotel.
- Ismail, P. (2007). Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*. No.4, 237-250.
- Ismail, S. Z. (Rinisha Mehrunisa). (2021). *Legal Talk: Hala Tuju Kesalahan Jenayah Syariah* [Facebook Live]. Facebook Salsoc UM.
- Ismail, S. Z. (2017). *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail, S. Z. (2015). Hukuman Alternatif kepada Pesalah Jenayah Syariah dalam Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia. *Persidangan Meja Bulat kali Pertama*. Bangi: Hotel Puri Pujangga UKM.
- Ismail, S. Z. (2014). Hudud Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Kerangka Perlembagaan Dan Sistem Perundangan "Dualisme": Komitmen Pelaksanaan Ke Arah Membendung Jenayah Di Malaysia. *Jurnal Syariah*. Jil. 22. Bil. 2, 193-212.
- Ismail, S. Z. (2013). Dasar dan Amalan Penghukuman Kes Jenayah di Mahkamah Syariah: Ke Mana Halatuju? *Jurnal Hukum*. Jld. 27 Bhg 1.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. (n.d). *Mekanisme Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang Islam Di Seluruh Malaysia*. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Retrieved June 7, 2020, from <https://www.jksnpp.penang.gov.my/index.php/18-penerbitan-mahkamah/87-mekanisme-penyelarasan-dan-penyseragaman-undang-undang-islam-di-seluruh-malaysia>
- Jamal, J. & Hashim, H. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. *Ulum Islamiyyah Journal*. Vol. 12, 87-103.
- Jamal, J. (2002). Kajian Terhadap Kanun Jenayah Syariah: Rujukan Khusus di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. *Jurnal Undang-undang: IKIM Law Journal*. Vol. 6. No. 1, 11-54.
- Malaysia. Dewan Rakyat Malaysia. (1965). *Penyata Rasmi (Hansard) Mesyuarat Kedua 1965*.
- Mujahid, N. (2017). Sebatan di Khalayak Secara Mandatori Boleh Menjadi Trend Nasional. *Penang Institute Issues*, 1-12.
- Nasri, M. S. (2018). Akta 355 Dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Perkara Jenayah Di Malaysia. *Journal of Law & Governance*. Vol. 1. No. 1, 77-90.
- Salleh, F. (2018). *Kerajaan Cadang Selaras Undang-undang Syariah Berkaitan Transgender*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-cadang-selaras-undang-undang-syariah-berkaitan-transgender-186256?amp=1>
- Shaary, A. M. (2021). RUU 355: Selangkah Lagi Ke Hadapan. *Harakah*. <https://www.harakahdaily.net/index.php/2021/03/14/ruu-355-selangkah-lagi-ke-hadapan/>
- Yaacob, A. M. (2001). Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Mahkamah Syariah. *Jurnal Undang-undang: IKIM Law Journal*. Vol.5. No.1, 1-42.
- Yusof, M. F. (2017). Pindaan RUU 355 Selari Kehendak al-Quran, Seajar Perkembangan Masa. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/04/270308/pindaan-ruu-355-selari-kehendak-al-quran-seajar-perkembangan-masa>
- Yusoff, H. (2017). *Penubuhan Jawatankuasa Khas Perkasa Sistem Perundangan Syariah*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penubuhan-jawatankuasa-khas-perkasa-sistem-perundangan-syariah-151477>
- Zakaria, Z. I. & Nasohah, Z. (2019). Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-undang jenayah Syariah di Negeri Melaka. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Vol. 7. No.1, 13-26.
- Zakaria, Z. I. (2020). Tafsiran Peruntukan Kesalahan Bersekediaman dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991. *Islamiyyat*. 42 (1), 23-30.

Statut

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997
Enakmen Jenayah Syariah Selangor (1995)
Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1993 (2015)
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan (1992)
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Perak (1992)
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Perlis) 1993
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995.
Kanun Keseksaan (Akta 574)
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001
Perlembagaan Persekutuan
Subordinate Court Act 1984